

## PEMBANGUNAN MODEL PENILAIAN KURIKULUM BERTERASKAN NILAI UNIVERSAL BAGI PROGRAM PENDIDIKAN BERASASKAN TEKNOLOGI & KEJURUTERAAN: SATU KERANGKA KONSEPTUAL

<sup>1</sup>Rohana Binti Hamzah, <sup>2</sup>Zulfadly Bin Othman, <sup>3</sup>Hasnah Binti Hussiin,

<sup>4</sup>Zuraina Binti Ali & <sup>5</sup>Christina Andin @ Nur Qistina Abdullah

<sup>1,2,3,4</sup>Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang,  
26600 Pekan Pahang Malaysia. E-mel: rohanahamzah@ump.edu.my

<sup>5</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Univeriti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah,  
Malaysia.

Correspondent Author : [christina@ums.edu.my](mailto:christina@ums.edu.my)

### ABSTRAK

Penilaian kurikulum memerlukan model, panduan & prosedur yang berkesan untuk dijadikan garis panduan dalam penilaian & penambahbaikan sesuatu program pendidikan. Analisis penyelidik terhadap model-model penilaian kurikulum sedia ada didapati wujud kelemahan khususnya dari segi kejelasan kedudukan nilai ketuhanan dalam model yang dibentuk sebagai panduan kepada proses penilaian kurikulum secara keseluruhan. Justeru keadaan ini memberi inspirasi kepada penyelidik untuk membangunkan Model Penilaian Kurikulum Berteraskan Nilai Universal (MPKNU) bagi pendidikan dalam bidang teknologi & kejuruteraan diperingkat pengajian tinggi. Oleh kerana Model Konteks, Input, Proses & Produk (KIPP) seringkali digunakan dalam bidang pendidikan tersebut, maka penyelidik memilih KIPP sebagai salah satu model rujukan. Manakala keunikan Model Kecemerlangan Prestasi Keseluruhan Berteraskan Nilai- KPKBN yang meletakkan penerapan nilai-nilai etika menjadi satu rujukan yang sangat komprehensif bagi membentuk kerangka penilaian kurikulum yang holistik. Manakala, asas penyatuan proses integrasi kedua-dua model ini dibina diatas Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang meletakkan elemen kepercayaan & kepatuhan kepada Tuhan sebagai matlamat utuh didalam proses pendidikan negara.

**Kata kunci:** Kurikulum, Pendidikan, Nilai, Penilaian, Teknologi, Kejuruteraan

### ABSTRACT

The implementations of curriculum evaluation process require effective guidelines, procedures and framework as the main reference in evaluation and improvement of any education programme. Analysis by the researcher on the evaluation models and theories found clear weakness especially on the adaptation of divine values in curriculum evaluation. This situation encouraged researcher to develop curriculum evaluation instrument based on universal divinity values in the Technical and Engineering Education context of higher learning institutions. The instrument built by adapting the Context, Input, Process and Product (CIPP) Model as the frame and the Value-Based Total Performance Excellence Model (VBTPM) as the main content. The uniqueness of the Value-Based Overall Performance Excellence Model is the application of ethical values into a very comprehensive reference to form a holistic curriculum evaluation framework. Therefore, the integration of the models has been developed based on National Education Philosophy (NEP) which places the element of belief and devotion to God as a whole goal in education process of this nation.

**Keywords:** Curriculum, Education, Value, Evaluation, Technology, Engineering

## 1.0 PENGENALAN

Penilaian kurikulum merupakan salah satu daripada proses berterusan dalam pelaksanaan kurikulum bagi mendapatkan maklum balas mengenai keberkesanan dan kelancaran pelaksanaan sesuatu kurikulum atau program akademik (Marsh & Willis, 2007). Sepertimana aktiviti pendidikan lain, pendekatan kepada implimentasi proses penilaian kurikulum program akademik juga perlu berorientasikan falsafah pendidikan (Cronbach, 1980). Selain daripada elemen teknikal & praktikal, Laurie & Kerry (2007) dalam penulisan mereka, *Curriculum Construction*, turut menekankan kepada prinsip etika iaitu keperluan untuk menjadikan nilai sebagai landasan pengisian penilaian kurikulum. Secara keseluruhannya, proses penilaian merupakan komponen penting kurikulum untuk memastikan keberkesanan program akademik yang dilaksanakan serta perlu menjadikan falsafah pendidikan sebagai teras kepada perencanaannya. Dalam konteks bidang pendidikan teknikal, vokasional & kejuruteraan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dilihat secara berterusan memformulasikan pelbagai strategi & pelbagai program pembangunan intensif bagi memperkasa kualiti kecemerlangan dan kelestarian kurikulumnya. Perkara ini adalah kerana kurikulumnya memainkan peranan penting dalam memacu pembinaan modal insan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan tenaga kerja negara malah sebagai penjana kepada pembinaan manusia luhur sepertimana diinspirasi dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Mohamed Rashid, 2007).

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti mewujudkan kumpulan penasihat kurikulum bidang berkenaan melibatkan pihak industri dan pihak kerajaan yang lain, sesi dialog yang diwakili oleh pihak industri pada mana-mana institusi pendidikan yang menawarkan pengajian dalam berkaitan dan menggalakkan lawatan ke industri oleh pensyarah dan pelajar. Menurut Mohamed Rashid (2007), strategi pembaharuan dan semakan semula kurikulum melibatkan beberapa perkara seperti berikut:

- i. Memformulasikan struktur kurikulum fleksibel dan berkonsepkan modular.
- ii. Mengimplimentasikan kurikulum berdasarkan kompetensi yang menekankan kepada pengajaran dan pembelajaran kontekstual.
- iii. Memperkasa jalinan antara institusi pendidikan dan industri terutamanya dalam proses pembangunan kurikulum.
- iv. Membangunkan pendekatan baru dalam mengenalpasti dan membuka jurusan baru dalam pelbagai bidang pendidikan berasaskan teknologi, vokasional dan kejuruteraan.

Senario kesejagatan dalam transformasi sistem pendidikan juga dapat dilihat menerusi Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang digubal dengan visi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat antarabangsa. Perletakan asas ini merupakan transformasi pengajian tinggi ke arah kegemilangan pendidikan melangkaui tahun 2020. Transformasi dan pembaharuan menerusi pelan ini juga merupakan kesinambungan daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk mencapai keseimbangan pembangunan individu serta keperluan cabaran masa hadapan. Oleh itu, FPK dijadikan sebagai intipati halatuju untuk menjana falsafah pengajian tinggi di Malaysia (Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, 2008). Agenda melestarikan kurikulum program pendidikan teknikal, vokasional dan kejuruteraan memerlukan proses penilaian berkesan dan unggul bagi memastikan perannya sebagai pemacu kepada pembangunan modal insan berkualiti dapat direalisasikan dengan sebaiknya. Robiah (1998) menjelaskan bahawa penilaian program universiti perlu dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan pendidikan dapat memenuhi matlamatnya serta dijadikan sebagai medium untuk menentukan keberkesanan keseluruhan program tersebut. Kementerian

Pelajaran Malaysia juga melihat penilaian sebagai proses untuk menilai keberkesanan sesuatu program latihan atau jurusan melalui menyamakan kepada pencapaian objektif dan implimentasi program tersebut. Rowntree (1977) dan Tyler (1990) berpendapat bahawa penilaian program akademik sebagai proses untuk menentukan corak dan menjangkakan kesannya terhadap kurikulum.

Kurikulum merupakan agenda penting dalam pembangunan dan pembentukan masa depan generasi dan bangsa di seluruh dunia. Kurikulum dianggap sebagai bidang paling strategik untuk membina generasi yang akan mengisi keperluan dan pembangunan masa depan negara (Saedah, 2008). Jika dilihat semula dari segi konsep asasnya, perkataan kurikulum berasal daripada perkataan Latin iaitu *currere* & telah dipindahkan ke dalam bahasa Inggeris iaitu *curriculum* yang bermaksud *a little race course*. Perkataan ini kemudiannya dipindahkan ke dalam pengertian pendidikan menjadi *course of study or training* yang bermaksud suatu lingkaran pengajaran yang melibatkan guru dan pelajar (Horne, 1962). Kurikulum dalam bahasa Arab pula disebut sebagai *manhaj* atau *minhaj* iaitu kata terbitan daripada kata dasar *nahaja* yang memberikan maksud “mengikut jalan” atau “suatu jalan” (Nurazmallail & Zulkiflee, 2008). Daripada pendekatan bahasa, kurikulum dapat dikonsepskan sebagai suatu program pendidikan dirancang dan dilaksanakan untuk mencapai matlamat dan tujuan pendidikan. Berdasarkan pengertian ini, Nurazmallail & Zulkiflee (2008), menyimpulkan tiga asas utama yang tersirat dalam konsep kurikulum iaitu:

- i. Pendidikan adalah satu proses, usaha atau kegiatan yang mempunyai tujuan.
- ii. Dalam kegiatan pendidikan terdapat suatu program yang disusun dan diatur.
- iii. Rancangan tersebut disusun oleh badan -badan tertentu untuk dilaksanakan di mana-mana pusat pengajian melalui acuan ditetapkan

Kecemerlangan dalam bidang keilmuan merupakan kayu ukur bagi menentukan kejayaan sesebuah tamadun dan kemampuannya untuk bertahan. Matlamat kecemerlangan ini hanya akan boleh direalisasikan melalui penyusunan dan pembinaan kurikulum yang mencerminkan secara jelas falsafah, kebudayaan, dan matlamat dituju. Al-Nahlawi turut memperjelaskan keutamaan dalam menyelarikan kurikulum dengan prinsip agama. Menurutnya, penjajaran kurikulum dengan prinsip ketuhanan akan membentuk kurikulum yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia (Nurazmallail & Zulkiflee, 2008). Sejarah pendidikan dalam Islam juga turut membuktikan bahawa pelaksanaan kurikulum dengan didasari prinsip *rabbani* (ketuhanan) menjadi faktor penting dalam memacu kecemerlangan dan keunggulan umat Islam dalam pelbagai bidang. Perkembangan ilmu intelektual berteraskan ilmu wahyu bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah menjadi faktor utama kebangkitan kerajaan Abbasiyyah di Baghdad pada tahun 136 Hijrah. Kota Baghdad dikatakan pada masa tersebut sebagai pusat pergerakan ilmiah yang terpenting di dunia. Pusat kegiatan ilmu pengetahuan telah tersebar kepada wilayah yang lebih luas seperti Kaherah (Mesir), Cordova (Andalus), Ghaznah (Afghanistan), Hama dan (Parsi), Damsyik dan Maragha (Syria), serta Qairawan (Afrika Utara). Menurut Ahmad Amin (dalam Nurazmallail & Zulkiflee, 2008), situasi ini jelas menunjukkan kepada pengaruh kekuatan dan kestabilan politik terhadap perkembangan ilmu dan kegiatan intelektual pada masa tersebut.

Begitu juga dengan kegemilangan Kerajaan Umawiyyah di Andalus (93 Hijrah) di atas faktor kepesatan kegiatan keilmuan di kalangan pemimpinnya. Rangka institusi pendidikan yang teratur, bersistematik serta berlandaskan kepada hukum syariah menjadikan wilayah Andalus sebagai tumpuan para ilmuan dari seluruh dunia (Nurazmallail & Zulkiflee, 2008). Begitu juga semasa era kemahsyuran Kerajaan Fatimiyyah (297 Hijrah), pemerintahan Sayf al-Dawlah (333

Hijrah), Kerajaan Sultan Mahmud al-Ghaznawi (338 Hijrah) serta banyak lagi bukti jelas menunjukkan bahawa struktur dan tradisi pengajian kurikulum yang bersifat *rabbani* dan mengutamakan kesepaduan ilmu berteraskan sumber al-Quran dan al-Sunnah menjadi faktor penting kegemilangan tamadun manusia (Nurazmallail & Zulkiflee, 2008). Seterusnya, berlaku juga penyerapan & penyaringan budaya ilmu asing ke dalam budaya ilmu Islam (Nurazmallail & Zulkiflee, 2008). Situasi ini mengukuhkan fakta bahawa kurikulum ideal seharusnya meletakkan kesepaduan ilmu wahyu dan ilmu akli sebagai teras utama kepada pengisiannya di samping menyerap sumber keilmuan asing selagi tidak bercanggah dengan fitrah manusia dan prinsip agama.

## 2.0 MODEL-MODEL PENILAIAN KURIKULUM

Menurut Shinkfield & Stufflebeam, (2007), terdapat lebih 40 model penilaian kurikulum seperti seperti Model Penilaian Objektif Tyler, Model Kontinen Stake, Model Penilaian Illuminatif, Model KIPP (*Context, Input, Process and Product*) dan Model Penilaian Responsif. Namun isu utama yang sering dibangkitkan dalam penilaian terhadap model-model ini ialah pengabaian kepada elemen nilai dan lebih bersifat terlalu linear atau mekanikal. Jika dibandingkan dengan penilaian kurikulum khususnya yang berasaskan kepada falsafah dan nilai Barat, Rasid *et al.* (2008) menyatakan beberapa kelemahan daripada pendekatan tersebut;

- i. Peranan agama terhad kepada urusan peribadi sahaja iaitu tidak menjangkau persoalan kehidupan yang lebih luas seperti pentadbiran, penilaian dan sebagainya.
- ii. Segala urusan keduniaan selain daripada urusan agama harus dikendalikan dengan menggunakan pengalaman dan pemikiran manusia yang sudah tentunya terbatas.
- iii. Pendekatan sekular berpegang kepada sumber akal manusia dan meremehkan peranan wahyu.
- iv. Pendekatan sekular tidak berlandaskan kepada pendekatan bersepadu seperti mana yang dianjurkan dalam Islam.


Oleh itu penulis memilih tiga model untuk dibincangkan dalam penulisan ini kerana ia sering digunakan dalam penilaian kurikulum dalam konteks pendidikan di Malaysia iaitu Model Penilaian Tyler, Model Model Konteks, Input, Proses dan Produk (KIPP) dan Model Kecemerlangan Prestasi Keseluruhan Berteraskan Nilai-KPKBN

### i. Model Penilaian Tyler

Model penilaian ini adalah kesinambungan daripada model kurikulum dibangunkan oleh Tyler melalui penulisannya *The Basic Principles of Curriculum and Instruction* yang secara jelas menerangkan bahawa proses penilaian kurikulum adalah berdasarkan kepada objektif yang perlu dicapai dan dapat dicapai pada akhir pelaksanaan kurikulum.

“Penilaian secara asasnya merupakan proses menentukan sejauh mana objektif pendidikan telah direalisasikan oleh sesuatu program kurikulum dan pengajaran. Meman&gakan objektif pendidikan secara realitinya adalah untuk melihat kepada perubahan tingkahlaku manusia maka, objektif yang dibentuk haruslah berfokus untuk menghasilkan perubahan dalam tingkahlaku pelajar seperti yang dikehendaki yang kemudiannya mengaplikasikan penilaian untuk mengukur tahap perubahan tingkahlaku yang sebenarnya berlaku (Tyler, 1949).”

Model ini secara umumnya bermula dengan peringkat menentukan objektif berdasarkan kepada tingkahlaku pelajar. Tyler menyarankan agar objektif ditentukan perlu berdasarkan kepada skop keperluan pelajar dan masyarakat yang juga melibatkan pihak industri. Penggubal program kurikulum seterusnya perlu dijalinan dengan falsafah pendidikan dan psikologi pembelajaran. Peranan penilai kurikulum berdasarkan kepada model ini adalah untuk menentukan objektif yang mana telah dicapai oleh pelajar dengan melihat kepada perubahan tingkahlakunya.




**Rajah 1:** Model Penilaian Kurikulum Objektif Tyler (Tyler, 1949)

Jika dilihat dengan teliti, model ini kurang memberikan fleksibiliti bukan sahaja kepada pelajar dan guru untuk mempelbagaikan aktiviti atau proses dalam pembelajaran tetapi turut memberikan peluang yang terhad kepada penggubal kurikulum untuk menilai objektif yang telah ditentukan melalui model ini. Pengisian kurikulum seharusnya memberikan kebebasan kepada manusia untuk menggunakan daya berfikir, kreativiti dan usaha untuk membina kegemilangan tamadun bertunjangan kepada kesepaduan antara ilmu, iman dan amal (Imam Ghazali, 1980). Laurey & Kerry (2007) juga mengkritik pendekatan ini kerana mengabaikan nilai seharusnya wujud dalam objektif yang telah ditentukan, bersifat terlalu linear serta mengeneipkan konteks kepelbagaian yang wujud dalam dimensi pendidikan. Model Tyler mengaplikasikan konsep pengujian saintifik dengan menekankan kepada proses pengukuran, objektif, serta kesahan dan kebolehpercayaan iaitu merupakan elemen yang banyak digunakan pada era saintifik di Amerika pada masa itu (Longstreet & Shane, 1993). Penilaian kurikulum menurut Raths (1978) dilihat lebih berkonsepkan kepada bentuk kajian saintifik di mana pembolehubahnya iaitu kandungan dan pendekatan pembelajaran diubahsuai dan hasilnya akan diuji untuk menentukan keberkesannya. Kemudian, data diperolehi hasil daripada proses penilaian dianggap boleh digeneralisasikan untuk mengubahsuai kurikulum yang terdiri daripada kepelbagaian konteks yang luas. Berdasarkan kepada fakta ini, Raths sendiri mengakui bahawa konsep sedemikian rupa menjadi punca utama kepada ketidaktentuan dari segi reputasi sistem kurikulum.

## ii. Model Konteks, Input, Proses & Produk (KIPP)

Model Konteks, Input, Proses dan Produk (KIPP) adalah hasil rekabentuk teori dibangunkan oleh Stufflebeam (1971) memberikan orientasi penilaian berfokuskan kepada penyediaan maklumat untuk membuat keputusan (*decision making*) hasil daripada penilaian. Pendekatan model ini memperlihatkan kepentingan maklumat & data dalam membantu pihak berkaitan untuk membuat keputusan yang tepat dan dapat membantu mempertingkatkan prestasi dan kualiti program. Menurut Shinkfield dan Stufflebeam, (2007), Model KIPP menyediakan kerangka komprehensif untuk melaksanakan penilaian formatif & sumatif terhadap program, projek, personal, produk, organisasi dan sistem penilaian. Model KIPP terdiri daripada empat komponen asas dan berpusat pada nilai teras sebagai nadi pelaksanaannya. Berdasarkan kepada model tersebut, nilai teras di pusat model perlu dikenalpasti untuk dijadikan panduan utama penilaian. Empat suku bulatan meliputi nilai teras merupakan fokus program dinilai iaitu Matlamat (*Goals*), Perancangan (*Plans*), Tindakan (*Actions*), dan Hasil (*Outcomes*). Bahagian bulatan paling luar merupakan empat komponen asas penilaian KIPP iaitu Konteks, Input, Proses, & Produk yang masing-masing akan menilai fokus program. Setiap daripada anak panah menunjukkan perhubungan di antara fokus dinilai dengan jenis penilaian (Shinkfield & Stufflebeam, 2007).



**Rajah 2** Komponen utama Model Penilaian KIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2007)

Setiap daripada komponen yang terlibat dalam Model Penilaian KIPP perlu diformulasikan berdasarkan kepada nilai teras yang telah ditentukan. Menurut Shinkfield & Stufflebeam (2007), nilai teras tersebut akan berperanan sebagai asas untuk menjana kriteria yang perlu dinilai dalam program. Penentuan kriteria ini secara tidak langsung akan membantu dalam memperjelaskan maklumat diperlukan. Perkara ini seterusnya akan menjadi asas kepada pemilihan dan pembinaan instrumen penilaian, prosedur, maklumat penilaian, dan piawaian yang perlu dilaksanakan. Penetapan teras nilai juga adalah penting sebagai rujukan kepada sebarang impak atau hasil positif atau negatif yang tidak dijangka daripada program yang dinilai. Shinkfield & Stufflebeam, (2007) menegaskan bahawa setiap program yang dinilai mungkin berjaya menepati kriteria atau objektif yang ingin dicapai, namun daripada sudut nilai, program tersebut mungkin juga belum dapat mencapai tahap sepatutnya. Secara umumnya, penilaian Konteks akan menyediakan maklumat mengenai kekuatan dan kekurangan keseluruhan sistem yang akan menjadi panduan kepada orientasi perancangan untuk penambahbaikan objektif bagi setiap peringkat dalam sistem. Penilaian Input pula memberikan maklumat berkaitan dengan kekuatan dan kelemahan dalam aspek pembinaan strategi-strategi

alternatif yang akan dipilih dan distrukturkan bagi mencapai objektif ditetapkan. Manakala penilaian Proses akan menghasilkan maklumat mengenai kekuatan dan kelemahan strategi dipilih pada situasi sebenar perlaksanaan. Seterusnya, penilaian Produk akan menyediakan maklumat bagi mengenalpasti samada objektif telah tercapai dan prosedur perubahan yang telah dilaksanakan untuk mencapai objektif tersebut perlu diteruskan (*continued*), diubahsuai (*modified*), atau dihapuskan (*terminated*).

Kelebihan KIPP adalah dari sudut fleksibilitinya sehingga terdapat banyak pengaplikasian KIPP dalam pelbagai bidang pengkhususan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Terdapat juga proses pengintegraian model ini dengan model yang lain. Oleh itu model KIPP telah dijadikan keutamaan dalam proses penilaian kurikulum yang bercorak pendidikan teknologi dan kejuruteraan (Alade, 2006).

### **iii. Model Kecemerlangan Prestasi Keseluruhan Berteraskan Nilai-KPKBN**


Secara umumnya, dalam proses untuk menilai kecemerlangan organisasi, terdapat beberapa model yang sering digunakan seperti *Malcolm Baldrige National Quality Awards* (MBNQA), Model Kanji dan *European Quality Awards* (EQA), *Australian Quality Award* (AQA) dan pelbagai model lain. Namun, model-model ini dilihat lebih mendasari kepada pengukuran kualiti yang melibatkan aspek lahiriah atau ekstrinsik dan kurang memberikan penekanan kepada elemen bukan lahiriah atau intrinsik. Pelbagai kajian seperti yang telah dijalankan oleh Saraph, Benson & Schroeder (1994), Porter & Parker (1994), Powell (1995) & Arawati, Suresh & Sharifah (2000) telah membuktikan bahawa fokus model-model tersebut hanya tertumpu kepada dimensi kualiti seperti sumber-sumber kewangan, manusia dan teknologi (Mazilan, Mokhtar, Mustapha, & Nooreha, 2003).

Kecemerlangan sebenar organisasi seharusnya berdasarkan kepada keseimbangan pencapaian faktor dalaman dan faktor luaran. Model Kecemerlangan Prestasi Keseluruhan Berteraskan Nilai-KPKBN (*Value-based Total Performance Excellence Model*) dibangunkan oleh Mazilan *et al.* (2003) adalah berkonsepkan kepada konteks masyarakat Malaysia dan merupakan pendekatan komprehensif untuk menilai hasil prestasi menjangkau aspek ekstrinsik yang biasanya dijadikan sebagai standard pengukur kecemerlangan organisasi. Kekuatan utama model ini terletak kepada inisiatif perlaksanaannya yang menjalinkan dua konsep utama dalam Islam iaitu *falah* dan *ihsan*. Islam meletakkan agar umatnya untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan dunia dan kehidupan akhirat. Kejayaan sejagat ini memerlukan usaha yang seimbang dilakukan meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek, serta merangkumkan secara harmoni kesepaduan dimensi keinsanan dan epistemologi kepercayaan terhadap Tuhan yang satu. Keunikan Model KPKBN terletak pada penerapan nilai-nilai etika yang biasanya tidak terdapat pada model-model penilaian prestasi yang lain. Proses *muhasabah* yang ditekankan dalam model ini adalah penting bagi menggalakkan pengurusan, pembangunan dan penilaian yang berterusan berlandaskan kepada prinsip ketuhanan (Mazilan *et al.*, 2003). Perkara ini selari dengan firman Allah dalam surah al-A'laa, ayat 14 yang bermaksud:

“Sesungguhnya beruntung orang yang menyucikan diri (dari syirik, kezaliman dan akhlak yang buruk dengan beriman).”  
(Surah al-A'laa: 14)

Kerangka KPKBN terdiri daripada sebelas kriteria yang dibahagikan kepada sepuluh pengupaya (*enablers*) dan satu hasil prestasi (*Performance Results*). Berdasarkan kepada model tersebut, hasil prestasi yang dikehendaki mampu dicapai sekiranya kesemua penggerak

diletakkan pada tempat yang betul dalam organisasi. Kepimpinan (*Leadership*) merupakan faktor kritikal dalam keberkesanan penilaian prestasi ini. Menurut Manzilan *et al.*, (2003), kepimpinan yang baik akan memformulasikan objektif dan strategi yang efektif, serta menguruskan semua sumber pengupaya secara bijaksana.



**Rajah 3** Sebelas kriteria utama Model Kecemerlangan Prestasi Keseluruhan Berteraskan Nilai (Mazilan *et al.*, 2003)


Budaya organisasi juga memainkan peranan penting dalam menghasilkan keupayaan kecemerlangan lestari. Pemimpin seharusnya menyemai budaya organisasi yang positif berdasarkan kepada pembangunan nilai dalaman setiap individu terlibat sebagai penggerak organisasi. Islam juga menekankan kepada prinsip kepimpinan yang merupakan amanah diberikan oleh Pencipta. Kepimpinan merupakan tanggungjawab daripada Tuhan bagi membolehkan manusia menjadi pemimpin kesejahteraan di samping membawa seluruh organisasi umat manusia ke arah paksi kebenaran. Menurut Abdullah bin Umar r.a. Nabi Muhammad SAW pernah bersabda dengan maksud:

“Setiap kamu adalah pemimpin. Dan setiap pemimpin bertanggung jawab atas kepemimpinannya. Imam itu pemimpin dalam keluarganya, bertanggung jawab tentang kepemimpinannya. Laki-laki itu pemimpin, bertanggung jawab tentang kepemimpinannya. Wanita itu pemimpin dalam rumah tangganya, dan bertanggung jawab tentang kepemimpinannya. Khadam itu pemimpin bagi harta majikannya, bertanggungjawab terhadap kepemimpinannya. Kata Abdullah, agaknya Nabi saw. juga bersabda: "Laki-laki itu pemimpin bagi harta-benda ayahnya dan bertanggungjawab terhadap kepemimpinannya. Kamu seluruhnya adalah pemimpin, bertanggungjawab atas kepemimpinannya."  
(Hadis Sahih Bukhari Jilid 1. Hadis Nombor 0482)

### 3.0 PROSES PEMBANGUNAN MODEL PENILAIAN KURIKULUM BERTERASKAN NILAI UNIVERSAL (MPKNU)

Kerangka model yang dicadangan ini dibentuk dengan mengadaptasikan Model KPKBN dan Model KIPP. Melalui analisis kandungan terutama berkaitan dengan kesesuaian pengintegrasian Model KIPP dan Model KPKBN, beberapa pengubahsuaian telah dilakukan dari segi definisi, konsep, dan tujuan setiap elemen yang terkandung dalam kedua-dua model. seperti ditunjukkan di dalam Rajah 4.






**Rajah 4:** Proses Integrasi Model KIPP & Model KPKBN Bagi Membentuk MPKU

Integrasi Model KIPP dan Model KPKBN diperhalusi dengan memberikan keutamaan kepada dimensi Kepimpinan sebagai penggerak utama dimensi-dimensi lain. Perletakan ini juga adalah selari dengan faktor kritikal kecemerlangan prestasi keseluruhan Model KPKBN. Hubungan penting ini dapat dijelaskan seperti berikut (Mazilan *et al.*, 2003):

- i. Pemimpin yang baik akan memformulasikan objektif yang mampu dicapai iaitu diiringi dengan strategi efektif untuk dilaksanakan. Seterusnya, memastikan keperluan sumber sentiasa dipenuhi agar pelaksanaan strategi dapat dilaksanakan dengan baik.
- ii. Kualiti prestasi yang baik dapat dikekalkan dengan menyediakan budaya organisasi positif. Oleh itu, menjadi peranan pemimpin untuk menyemai budaya nilai terbaik kepada setiap ahli organisasi. Seterusnya menjadi tanggungjawab pemimpin untuk menyediakan panduan kepada amalan terbaik yang perlu diamalkan dalam organisasi.
- iii. Kepimpinan organisasi perlu sensitif kepada sebarang perubahan persekitaran dan sentiasa bersedia untuk bertindak berdasarkan keadaan. Perkara ini memerlukan daya inovasi dari segi pendekatan dan perkhidmatan yang sudah tentu perlu diterapkan pemimpin kepada seluruh organisasi.

Oleh itu, setiap dimensi dalam Model KPKBN dikordinasi menjadi empat cluster utama dengan menjadikan elemen kepimpinan sebagai faktor kritikal bagi setiap dimensi. Penstrukturan dimensi IPU ini juga bagi membolehkan setiap dimensi dikelompokkan mengikut komponen KIPP seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.



**Rajah 5:** Empat kluster utama konstruk Model Penilaian Kurikulum Berteraskan Nilai Universal

Pendekatan kepada implimentasi proses penilaian kurikulum perlu disepadukan dengan orientasi nilai falsafah pendidikan menyeluruh. Keperluan ini adalah berdasarkan fitrah setiap pendekatan dan aktiviti keilmuan adalah kesinambungan daripada landasan falsafah dan agama. Wan Mohd Nor Wan Daud (2005) menyatakan dengan jelas bahawa setiap idea, keputusan, & tindakan berkaitan dengan pendidikan tidak dapat dipisahkan dengan pandangan agama, falsafah, atau sains mengenai hakikat manusia. Oleh itu, intipati falsafah diperlukan sebagai garis utama pemantapan matlamat pendidikan serta elemen-elemen dalam menilai keberkesanan prestasi kurikulum.


Oleh itu, falsafah pendidikan dijadikan sebagai elemen penyatu pembentukan secara keseluruhan model penilaian universal. Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), falsafah diaplikasikan untuk membuat tinjauan, analisis, sintesis & penilaian secara menyeluruh berdasarkan kepada fakta & ilmu yang diperolehi secara sistematik dan logik. Berdasarkan kepada peranan ini, penerapan jalinan falsafah akan memberikan interpretasi komprehensif tentang ilmu dan kebenaran yang meliputi sifat manusia dan hubungannya dengan alam, nilai-nilai muktahir segala kejadian Tuhan, serta erti kehidupan manusia. Jadual 1 menunjukkan komponen utama dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dipecahkan berdasarkan kepada empat cabang falsafah. Setiap daripada komponen FPK memberikan implikasi penting kepada proses integrasi bagi pembentukan model penilaian kurikulum berteraskan nilai universal.

**Jadual 1:** Penguraian komponen FPK berdasarkan 4 cabang utama falsafah

<b>Cabang Falsafah</b>	<b>Komponen FPK</b>	<b>Implikasi terhadap Kerangka Penilaian</b>
Epistemologi	Pendidikan suatu usaha berterusan	Penilaian dijadikan usaha berterusan memastikan keberkesanan pendidikan
	Perkembangan potensi individu	Keutamaan kepada pembangunan spiritual sebagai asas kepada pembangunan seluruh potensi individu.
	Unsur intelek	Pembangunan intelek dijadikan fokus dalam komponen Produk model penilaian kurikulum universal.
Metafizik	Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan	Teras matlamat penilaian kurikulum universal
	Unsur rohani dan emosi Perkembangan menyeluruh dan bersepadu	Elemen pengukuran utama prestasi kurikulum Penilaian mengambil kira seluruh aspek yang mempengaruhi keberkesanan kurikulum
Aksiologi	Seimbang dan harmonis	Penilaian merangkumi elemen intrinsik dan ekstrinsik.
	Rakyat Malaysia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, berilmu dan berterampilan	Keputusan penambahbaikan hasil daripada penilaian bertujuan untuk menghasilkan pelajar seimbang, dan kesejahteraan pada setiap individu terlibat dalam institusi kurikulum.
Logik	Unsur jasmani	Pembangunan jasmani dijadikan fokus dalam komponen Produk model penilaian kurikulum universal.
	Sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.	Model penilaian universal bermatlamat untuk melahirkan setiap individu dalam komuniti sebagai pemimpin perubahan.


(Sumber : Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988)

Integrasi ini menjadikan prinsip kalimah Tauhid sebagai teras utama setiap perlaksanaannya. Penyepaduan ini secara tidak langsung membentuk satu kerangka penilaian yang dicadangkan sebagai Model Penilaian Berteraskan Nilai Universal (MPKNU). Model ini terbentuk memperlihatkan prinsip kepercayaan kepada Tuhan dan elemen kepimpinan sebagai pelengkap kepada proses penilaian universal. Setiap daripada aktiviti, tindakan dan keputusan dalam penilaian kurikulum dipastikan didasari dengan teras ketuhanan dan peranan setiap individu sebagai pemimpin kepada proses perubahan penambahbaikan dalam institusi pendidikan. Hasil proses integrasi ini dapat di dalam Rajah 6.



**Rajah 6 :** Pengintegrasian Model KIPP dan Model KPKBN dengan berteraskan kepada prinsip kepercayaan kepada Tuhan dan elemen kepimpinan.

Proses kemas keseluruhan kepada Model Penilaian Kurikulum Berteraskan Nilai Universal ini akhir melahirkan kerangka seperti yang digambarkan didalam Rajah 7.



**Rajah 7:** Ca&gan Model Penilaian Kurikulum Berteraskan Nilai Universal

#### 4.0 KESIMPULAN

Penulisan ini cuba menggambarkan secara lengkap proses pengintegrasian Model Konteks, Input, Proses, dan Produk-KIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 1984) dengan Model Kecemerlangan Prestasi Keseluruhan Berteraskan Nilai-KPKBN (Mazilan *et al.*, 2003) yang berteraskan nilai kepercayaan kepada Tuhan. Kriteria-kriteria Model KPKBN dibahagikan kepada empat kluster utama disesuaikan dengan empat komponen utama Model KIPP iaitu kluster Konteks, kluster Input, kluster Proses, dan kluster Hasil. Setiap kluster menjadikan

elemen kepemimpinan sebagai penerak dan ukuran utama kepada kualiti prestasi program akademik. Berdasarkan kepada kerangka ini, empat kluster Konteks, Input, Proses, dan Produk merupakan dimensi utama dalam rekabentuk model penilaian kurikulum. Komponen-komponen yang terletak dalam setiap kluster merupakan subdimensi bagi setiap dimensi utama proses penilaian kurikulum. Melalui penetapan ini, setiap subdimensi akan terdiri daripada beberapa item yang akan mengukur komponen-komponen kualiti program akademik.

Teras kepercayaan kepada Tuhan yang satu merupakan panduan kepada panel penilai untuk menyediakan cadangan susulan selepas proses penilaian. Tiga lingkaran kepemimpinan yang merangkumi setiap kluster penilaian merujuk kepada tanggungjawab kepemimpinan kurikulum, kepemimpinan diri, serta kepemimpinan terhadap orang lain. Secara tepatnya, pengaplikasian penilaian berdasarkan kerangka ini akan melihat sejauh mana kualiti pelaksanaan kurikulum program akademik berdasarkan aspek nilai ketuhanan serta keupayaan institusi tersebut untuk menyediakan setiap individu sebagai pemimpin kepada proses penambahbaikan dalam institusi pendidikan.

## **RUJUKAN**

- Alade, Ibiwumi Abiodun (2006). Article of Strategic Application of Evaluation Models for Promoting Higher Education Research of Technology Curricula: Reforming Higher Education in Africa. Halaman 103.
- Cronbach, L. J. (1980). Course Improvement through Evaluation. Teacher College Record. New York, Teacher College, Colombia University.
- Horne. H. H. (1962). An Idealistic Philosophy of Education/ The Forty First, Yearbook of the National Society for the Study of Education. Part I, Philosophy of Education. The University of Chicago Press.
- Imam Ghazali (1980). Ihya Ulumiddin (Jiwa Agama). Terjemahan Menara Kudus, Inonesia. Jurnal Pendidikan, Mei 1987. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Laurie Brady & Kerry Kennedy (2007). Curriculum Construction third Edition. Pearson, Prentice Hall. Australia. National Library of Australia.
- Marsh Colin J. & Willis George (2007). Curriculum: Alternative Approaches, Ongiong Issues, Fourth Edition. Upper Saddle, New Jersey. Columbus, Ohio. Pearson, Merrill Prentice Hall.
- Mohamed Rashid Navi Bax (2002). Technical Vocational Education, Polytechnics, and Community Colleges. The Malaysian Educational Odyssey. Selangor Darul Ehsan. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Normaly Kamal Ismail, Nurazzah Abd Rahman, & Zainab Abu Bakar. (2007). Mutiara Hadis [Web Software]. Selangor: Faculty of Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi Mara. <http://sigir.uitm.edu.my/webhadis/>.

- Nurazmallail Marni & Zulkiflee Haron (2008). *Institusi Pengajian Syariah & Sains: Era Kegemilangan Tamadun Islam*. Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (2008). Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Putrajaya.
- Laurie Brady & Kerry Kennedy (2007). *Curriculum Construction third Edition*. Pearson, Prentice Hall. Australia. National Library of Australia.
- Mazilan Musa, Mokhtar Abdullah, Nik Mustapha Nik Hassan & Nooreha Husain (2003). *Value-Based Total Performance Excellence Model: Baseline Assessment Criteria Guidelines for Organisations*. Kuala Lumpur. Institute of Islamic Understanding Malaysia.
- Mazilan Musa, Mokhtar Abdullah, Nik Mustapha Hj. Nik Hassan & Nooreha Husain (2003). *Essay on Islamic Management And Organizational Performance Measurement*. Kuala Lumpur. Institute of Islamic Understanding Malaysia.
- Nik Mustapha Nik Hassan (2008). *Kepimpinan yang beriman & Bertakwa Menjamin Kecemerlangan Pengurusan Organisasi*. Dalam Ahmad Sirji; *Amalan Pendekatan Islam Hadhari*. Selangor. MPH Group Publishing & Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Rasid Muhamad, Mohd Yadman Sarwan & S.Salahudin Suyurno (2008). *Pengurusan Islam: Teori & Praktis*. Shah Alam, Selangor, Malaysia. Pusat Penerbitan universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara.
- Robiah Sidin (1998). *Pemikiran dalam Pendidikan*. Selangor Darul Ehsan. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rowntree D. (1977). *Assessing Student. How Shall We Know Them*. London. Harper & Row.
- Saedah Siraj (2008). *Kurikulum Masa Depan*. Kuala Lumpur, Malaysia. Penerbit Universiti Malaya.
- Shinkfield Anthony J. & Stufflebeam Daniel L. (2007). *Evaluation Theory, Models, & Applications*. Amerika. Jossey-Bass.
- Stufflebeam, Daniel L. (1971). *The Relevance of the CIPP Evaluation Model for Education Accountability*. Presented paper, American Association of School Administrators. Atlantic City. New Jersey.
- Tyler, R. W. (1990). *Reporting Evaluation of Learning Outcomes*. The International Encyclopedia of Education Evaluation. Pargamon. Oxford.
- Tyler, R. W. (1949). *Basic Principles of Curriculum and Instruction*. Chicago. University of Chicago Press.
- Wan Mohd Nor Daud (2005). *Falsafah & Amalan Pendidikan Islam menurut Syed Naquib Al Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.